



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

APAD BATAL LESEN PENGENDALI SYARIKAT YANG MENYEBABKAN KEMALANGAN MAUT DI PERSIMPANGAN TAMAN GOLDEN HILL, GEMAS BAHARU

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) memandang serius insiden kemalangan melibatkan sebuah treler melanggar kenderaan dinaiki mangsa di persimpangan Taman Golden Hill, Gemas Baharu.
2. Dalam kejadian yang berlaku pada jam 3.45 petang Khamis, 2 April 2026 itu, tiga individu termasuk sepasang suami isteri dilaporkan maut manakala dua lagi mangsa cedera parah.
3. Hasil siasatan APAD mendapati bahawa **MFG Barokah Enterprise (LA)** iaitu syarikat yang terlibat dalam kemalangan tersebut, telah **gagal mematuhi Perkara 30 Keperluan Tahap Perkhidmatan** iaitu keperluan mematuhi **Kod Amalan Keselamatan Industri (ICOP)**, **gagal memastikan kenderaan diselenggara dengan baik**, **gagal mengawal/menjaga kelakuan pemandu**, **gagal mengutamakan keselamatan pengguna yang lain** dan mempunyai rekod pemanduan melebihi had kelajuan yang dibenarkan.
4. Mesyuarat Jawatankuasa Penggantungan dan Pembatalan Lesen (JPPL) APAD Bilangan 3 Tahun 2026 yang bersidang pada 9 April 2026, telah memutuskan bahawa syarikat **MFG Barokah Enterprise (LA)** gagal memenuhi syarat lesen yang diperuntukkan di bawah **Seksyen 57(1)(b)(viii)**, **Seksyen 58(1)(b)** dan **Seksyen 58(1)(c) Akta 715**.
5. Sehubungan itu, selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 62 Akta 715, APAD memutuskan untuk **membatalkan Lesen Pengendali 202303040540 (LA)** ("Lesen Pengendali Berkenaan") berkuat kuasa pada **10 April 2026**.
6. Dengan terbatalnya Lesen Pengendali berkenaan, syarikat tersebut **tidak dibenarkan** untuk mengendali atau mengadakan sebarang perkhidmatan menggunakan mana-mana kenderaan yang dilesenkan di bawah Lesen Pengendali Berkenaan.

7. APAD ingin menegaskan supaya semua pengendali berlesen **wajib mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan dari semasa ke semasa** bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini, yang seterusnya boleh menyebabkan lesen dibatalkan. APAD sentiasa komited untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam darat yang **holistik, cekap, efisien, selamat dan berdaya saing**, demi manfaat rakyat, selaras dengan **Nilai Teras Malaysia MADANI**, iaitu **KESEJAHTERAAN** dan **IHSAN**.

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
10 April 2026

##TAMAT##

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)

+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail ukk@apad.gov.my